



PENGETAHUAN, SIKAP DAN TINGKAH LAKU KELESTARIAN ALAM SEKITAR DALAM KALANGAN GURU PRASEKOLAH DI PAHANG



NOR SYAHIRAH BINTI AHAMAD



UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2023



**PENGETAHUAN, SIKAP DAN TINGKAH LAKU KELESTARIAN
ALAM SEKITAR DALAM KALANGAN GURU PRASEKOLAH
DI PAHANG**

NOR SYAHIRAH BINTI AHAMAD

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2023



Sila tandakan (✓)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

✓

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 16 Oktober 2023

i. Perakuan pelajar:

Saya, NOR SYAHIRAH BINTI AHAMAD, M20182001749, FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA dengan ini mengaku bahawa disertasi yang bertajuk PENGETAHUAN, SIKAP DAN TINGKAH LAKU KELESTARIAN ALAM SEKITAR DALAM KALANGAN GURU PRASEKOLAH DI PAHANG adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejasasnya dan secukupnya.

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, Dr. Nor Mashitah binti Mohd Radzi dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk PENGETAHUAN, SIKAP DAN TINGKAH LAKU KELESTARIAN ALAM SEKITAR DALAM KALANGAN GURU PRASEKOLAH DI PAHANG dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sepenuhnya syarat untuk memperoleh IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK).

16.10.2023

Tarikh

DR. NOR MASHITAH MOHD RADZI
Senior Lecturer
Department of Early Childhood Education
Faculty of Human Development
Sultan Idris Education University

Tandatangan Penyelia



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: PENGETAHUAN, SIKAP DAN TINGKAH LAKU KELESTARIAN ALAM
SEKITAR DALAM KALANGAN GURU PRASEKOLAH DI PAHANG

No. Matrik / Matric's No.: M20182001749
Saya / I: NOR SYAHIRAH BINTI AHAMAD

mengaku membenarkan Disertasi (Sarjana) ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows: -

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi. *The library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.*
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / *Please tick (✓) for category below:-*

☐ **SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / *Contains confidential information under the Official Secret Act 1972*

☐ **TERHAD/RESTRICTED**


Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done.*

☒ **TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**



(Tandatangan Pelajar/ Signature of Student)

Tarikh/Date: 18/10/2023


DR. NOR MASHITAH MOHD RADZI
Senior Lecturer
Department of Early Childhood Education
Sultan Idris Education University

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)

& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang, segala puji bagi – Nya, Tuhan semesta alam, dan selawat junjungan keatas Nabi Muhammad SAW. Bersyukur kehadiran Ilahi kerana dengan limpah dan kurnianya dapat saya menyiapkan disertasi bagi peringkat sarjana ini.

Dikesempatan ini, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Dr. Nor Mashitah binti Mohd Radzi selaku penyelia utama dan Prof Madya Dr. Hanifah binti Mahat selaku penyelia bersama saya yang sentiasa bersabar, memberi sokongan dan nasihat dalam menjalankan penyelidikan ini. Segala bantuan dan tunjuk ajar mereka banyak membantu kepada kejayaan dalam penghasilan disertasi ini. Tidak dilupakan juga kepada pensyarah dan penilai yang pernah mengajar ilmu penyelidikan yang amat berharga dan bermanfaat kepada saya. Semoga Allah merahmati mereka.

Seterusnya jutaan kalungan kasih yang teristimewa dan tidak terhingga diucapkan kepada ibu bapa, suami dan adik beradik tercinta yang tidak jemu mendoakan dan memberi nasihat, semangat dan sokongan emosi sepanjang tempoh pelaksanaan disertasi ini.

Terima kasih juga diucapkan kepada rakan seperjuangan yang turut membantu dan memberikan sokongan serta bersama berjuang dalam perjalanan ini. Tidak dilupakan juga kepada pihak EPRD, JPN Pahang, PPD Daerah Lipis, Pekan dan Rompin yang membantu memberikan cadangan, bantuan dan solusi secara langsung atau tidak langsung sehingga penyelidikan ini dapat disempurnakan hingga ke akhirnya. Tidak dilupa juga penghargaan kepada responden kajian iaitu guru prasekolah yang sudi memberi kerjasama dalam menjawab borang soal selidik yang diedarkan.

Akhir kata, dasar pengetahuan adalah ingin tahu. Puncak pengetahuan adalah tidak tahu. Diharapkan dengan penyelidikan ini sedikit sebanyak dapat menyumbang kepada perkembangan dan wadah ilmu serta dijadikan panduan untuk penambahbaikan dan rujukan pada masa akan datang.



ABSTRAK

Tujuan kajian ini ialah untuk mengidentifikasi pengetahuan, sikap, dan tingkah laku kelestarian alam sekitar dalam kalangan guru prasekolah di daerah Lipis, Pekan serta Rompin di negeri Pahang. Pendekatan teori tingkah laku terancang serta Model *Knowledge, Attitude, Practices* (KAP) diguna pakai dalam kajian ini. Kaedah kuantitatif dengan reka bentuk tinjauan diguna pakai sebagai metodologi penyelidikan. Populasi kajian merangkumi 167 individu, di mana sampel telah dipilih secara rawak mudah mengguna pakai jadual pensampelan Krejcie dan Morgan, melibatkan 128 orang guru prasekolah. Instrumen kajian merangkumi satu set soal selidik yang telah diubahsuai dan diadaptasi mengikut konteks penyelidikan. Soal selidik ini telah mendapat pengesahan daripada empat orang pakar melalui proses penilaian kesahan kandungan serta kesahan muka, dengan nilai bacaan keseluruhannya melebihi 70%. Kebolehpercayaan soal selidik diukur mengguna pakai indeks *Alpha Cronbach*, yang menghasilkan nilai pekali = 0.913. Data kajian telah dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif serta inferensi iaitu frekuensi (kekerapan), peratusan, nilai min, sisihan piawai, korelasi *Pearson* serta ANOVA sehala. Dapatan kajian menunjukkan tahap pengetahuan ($M = 4.63$, $SP = 0.35$), sikap ($M = 4.55$, $SP = 0.37$), tingkah laku ($M = 3.9$, $SP = 0.63$) berada pada tahap tinggi. Keputusan ANOVA sehala menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap tingkah laku kelestarian alam sekitar berdasarkan pengalaman mengajar dengan nilai [$F(2,125) = 0.661$, $p = 0.518$], $p > 0.05$. Selain itu, analisis korelasi *Pearson* menunjukkan terdapat hubungan positif yang signifikan antara tingkah laku kelestarian alam sekitar terhadap pengetahuan kelestarian alam sekitar ($r = 0.57$; $p < 0.05$) dan sikap kelestarian alam sekitar ($r = 0.67$, $p < 0.05$). Kesimpulannya, dapatan utama kajian ini mendapati bahawa guru prasekolah mempunyai tahap pengetahuan, sikap dan tingkah laku kelestarian alam sekitar yang memuaskan namun kurang mendapat pendedahan dan latihan pengajaran dan pembelajaran mengenai pendidikan alam sekitar. Implikasinya, pemerkasaan pendidikan kelestarian alam sekitar dalam program pendidikan guru perlu dipertingkatkan seiring dengan pemupukan pengetahuan, sikap dan tingkah laku kelestarian alam sekitar.



KNOWLEDGE, ATTITUDE AND PRACTICES OF ENVIRONMENTAL SUSTAINABILITY AMONG PRESCHOOL TEACHERS IN PAHANG

ABSTRACT

This study aims to determine the knowledge, attitude, and practices of environmental sustainability preschool teachers in the districts of Lipis, Pekan, and Rompin in the state of Pahang. The planned behavior theory and the *Knowledge, Attitude, and Practices* (KAP) Model are used in this study. In this study, quantitative approaches with a survey design were applied. The study population consisted of 167 participants, including a simple random sample of 128 preschool teachers drawn from Krejcie and Morgan's sampling table. The research instrument is a collection of questionnaires that have been customized and adjusted to fit the needs of the study. This questionnaire was validated by four experts using face validity and content validity with an overall reading value of more than 70% and the questionnaire's reliability using *Cronbach's Alpha* index with a coefficient value of 0.913. Descriptive and inferential statistics such as frequency, percentage, mean, standard deviation, one-way ANOVA, and *Pearson* correlation were used to assess research data. The study's findings demonstrate that knowledge ($M = 4.63$, $SP = 0.35$), attitude ($M = 4.55$, $SP = 0.37$), and behavior ($M = 3.9$, $SP = 0.63$) are all at a high level. The results of the one-way ANOVA demonstrate that there is no significant difference in the level of environmental sustainability behavior based on teaching experience with the value [$F(2,125) = 0.661$, $p = 0.518$], $p > 0.05$. Furthermore, *Pearson's* correlation analysis reveals a strong positive link between environmental sustainability behaviour and environmental sustainability knowledge ($r = 0.57$; $p < 0.05$) and attitudes toward environmental sustainability ($r = 0.67$, $p < 0.05$). Finally, the primary findings of this study revealed that preschool teachers have a sufficient level of knowledge, attitude, and conduct about environmental sustainability, but they lack exposure and training in teaching and learning about environmental education. The implication is that the empowerment of environmental sustainability education in teacher education programs, as well as the nurturing of environmental sustainability knowledge, attitudes, and behaviours, must be improved.



KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI LAMPIRAN	xvi
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	1
1.3 Pernyataan Masalah	8
1.4 Objektif Kajian	11
1.5 Persoalan Kajian	12
1.6 Hipotesis Kajian	13
1.7 Kerangka Konsep Kajian	14
1.8 Kepentingan Kajian	15
1.9 Batasan Kajian	18
1.10 Definisi Operasional	19



1.10.1	Guru Prasekolah	19
1.10.2	Pengetahuan Kelestarian Alam Sekitar	20
1.10.3	Sikap Kelestarian Alam Sekitar	21
1.10.4	Tingkah Laku Kelestarian Alam Sekitar	21
1.11	Rumusan	22

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	23
2.2	Pendidikan Alam Sekitar	24
2.3	Pendidikan Alam Sekitar dalam Pendidikan Awal Kanak-Kanak	25
2.4	Pengetahuan Kelestarian Alam Sekitar	27
2.5	Sikap Kelestarian Alam Sekitar	30
2.6	Tingkah Laku Kelestarian Alam Sekitar	33
2.7	Model Knowledge, Attitude, Practices (KAP)	35
2.8	Teori Tingkah Laku Terancang (Theory of Planned Behavior-TPB)	37
2.9	Rumusan	38

BAB 3 METODOLOGI

3.1	Pendahuluan	39
3.2	Reka Bentuk Kajian	39
3.3	Lokasi Kajian	41
3.4	Populasi Dan Sampel Kajian	43
3.5	Instrumen Kajian	45
3.5.1	Bahagian A: Latar Belakang Responden	47
3.5.2	Bahagian B: Latar Belakang Penglibatan Aktiviti Alam Sekitar	47
3.5.3	Bahagian C: Pengetahuan Kelestarian Alam Sekitar	48

3.5.4	Bahagian D: Sikap Kelestarian Alam Sekitar	48
3.5.5	Bahagian E: Tingkah Laku Kelestarian Alam Sekitar	49
3.5.6	Bahagian F: Komen dan Cadangan	50
3.6	Kesahan Instrumen	50
3.6.1	Kesahan Muka dan Kesahan Kandungan	52
3.7	Kebolehpercayaan Instrumen	55
3.8	Kajian Rintis	57
3.9	Ujian Normaliti	58
3.9.1	Ujian Kepencongan <i>Skewness</i> dan <i>Kurtosis</i>	59
3.9.2	Boxplot	61
3.10	Prosedur Pengumpulan Data	62
3.11	Etika dalam Penyelidikan	63
3.12	Kaedah Analisis Data	64
3.12.1	Analisis Statistik Deskriptif	66
3.12.2	Analisis Statistik Inferensi	66
3.12.2.1	Analisis ANOVA - Satu Hala (One Way - ANOVA)	67
3.12.2.2	Analisis Korelasi Pearson	67
3.13	Rumusan	69

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	70
4.2	Dapatan Kajian	70
4.3	Latar Belakang Responden	71
4.3.1	Jantina	71
4.3.2	Kaum	72

4.3.3	Status Perkahwinan	72
4.3.4	Tahap Pendidikan Tertinggi	73
4.3.5	Pengalaman Mengajar	74
4.3.6	Penglibatan Menghadiri Program Alam Sekitar	74
4.4	Analisis Deskriptif bagi Tahap Pemboleh ubah kajian	75
4.4.1	Tahap Pengetahuan Kelestarian Alam Sekitar Guru Prasekolah	76
4.4.1.1	Pengetahuan Kelestarian Alam Sekitar Dari Aspek Elemen Air	77
4.4.1.2	Pengetahuan Kelestarian Alam Sekitar Dari Aspek Elemen Tumbuh-Tumbuhan	78
4.4.1.3	Pengetahuan Kelestarian Alam Sekitar Dari Aspek Elemen Haiwan	79
4.4.1.4	Pengetahuan Kelestarian Alam Sekitar Dari Aspek Elemen Udara	81
4.4.1.5	Pengetahuan Kelestarian Alam Sekitar Dari Aspek Kitar Semula	82
4.4.2	Tahap Sikap Kelestarian Alam Sekitar Guru Prasekolah	83
4.4.2.1	Sikap Kelestarian Alam Sekitar dari Aspek Alam Sekitar	84
4.4.2.2	Sikap Kelestarian Alam Sekitar dari Aspek Sosial	86
4.4.2.3	Sikap Kelestarian Alam Sekitar dari Aspek Ekonomi	87
4.4.3	Tahap Tingkah Laku Kelestarian Alam Sekitar Guru Prasekolah	88
4.4.3.1	Tingkah Laku Kelestarian Alam Sekitar Dari Aspek Alam Sekitar	89
4.4.3.2	Tingkah Laku Kelestarian Alam Sekitar Dari Aspek Sosial	90

4.4.3.3	Tingkah Laku Kelestarian Alam Sekitar Dari Aspek Ekonomi	92
4.5	Analisis Inferensi	93
4.5.1	Perbezaan Tingkah Laku Kelestarian Alam Sekitar Mengikut Tahap Pendidikan Tertinggi Guru Prasekolah.	93
4.5.2	Hubungan Antara Pengetahuan Kelestarian Alam Sekitar Dengan Tingkah Laku Kelestarian Alam Sekitar	95
4.5.3	Hubungan Antara Sikap Kelestarian Alam Sekitar Dengan Tingkah Laku Kelestarian Alam Sekitar	96
4.6	Ringkasan Dapatan Kajian	97
4.7	Rumusan	98

BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.1	Pendahuluan	99
5.2	Gambaran Ringkas Kajian	99
5.3	Ringkasan Perbincangan Dapatan Kajian	101
5.3.1	Tahap Pengetahuan Kelestarian Alam Sekitar Guru Prasekolah	102
5.3.2	Tahap Sikap Kelestarian Alam Sekitar Guru Prasekolah	103
5.3.3	Tahap Tingkah Laku Kelestarian Alam Sekitar Guru Prasekolah	104
5.3.4	Perbezaan Tingkah Laku Kelestarian Alam Sekitar Guru Prasekolah mengikut Pengalaman Mengajar	106
5.3.5	Hubungan antara Pengetahuan Kelestarian Alam Sekitar dengan Tingkah Laku Kelestarian Alam Sekitar Guru Prasekolah	107
5.3.6	Hubungan antara Sikap Kelestarian Alam Sekitar dengan Tingkah Laku Kelestarian Alam Sekitar Guru Prasekolah	107
5.4	Implikasi Kajian	108
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	110

5.6	Kesimpulan Kajian	111
	RUJUKAN	113
	LAMPIRAN	122

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
3.1	Populasi / bilangan Guru Prasekolah KPM di daerah Lipis, Pekan dan Rompin	43
3.2	Jadual Penentuan Saiz Sampel Krejcie dan Morgan (1970)	44
3.3	Taburan Bilangan Sampel Kajian	45
3.4	Taburan Bahagian dan Jumlah Item Instrumen	47
3.5	Skala likert Respon Soal Selidik Bahagian C	48
3.6	Skala likert Respon Soal Selidik Bahagian D	49
3.7	Skala likert Respon Soal Selidik Bahagian E	50
3.8	Pakar Penilaian Instrumen	52
3.9	Dapatan Kesahan Instrumen Soal Selidik Kajian	54
3.10	Pekali Cronbach's Alpha	56
3.11	Keputusan Nilai Pekali Alpha untuk Setiap Konstruk	56
3.12	Ringkasan Analisis Kebolehpercayaan Keseluruhan Instrumen	57
3.13	Taburan Kenormalan	60
3.14	Ringkasan Pengujian Statistik Persoalan Kajian	65
3.15	Penghuraian Data Bagi Tahap Penilaian Nilai Min	66
3.16	Saiz Korelasi	68
4.1	Taburan Responden Mengikut Jantina	72
4.2	Taburan Responden Mengikut Kaum	72
4.3	Taburan Responden Mengikut Status Perkahwinan	73
4.4	Latar Belakang Responden Mengikut Tahap Pendidikan Tertinggi	73
4.5	Latar Belakang Responden Mengikut Pengalaman Mengajar	74

4.6	Latar Belakang Responden Menghadiri Aktiviti Berteraskan Alam Sekitar	75
4.7	Skor Min bagi Tahap Pengetahuan, Sikap dan Tingkah Laku Kelestarian Alam Sekitar	75
4.8	Nilai Min dan Sisihan Piawai Tahap Pengetahuan Kelestarian Alam Sekitar	76
4.9	Pengetahuan Kelestarian Alam Sekitar Dari Aspek Elemen Air	77
4.10	Pengetahuan Kelestarian Alam Sekitar Dari Aspek Tumbuh-Tumbuhan	79
4.11	Pengetahuan Kelestarian Alam Sekitar Dari Aspek Elemen Haiwan	80
4.12	Pengetahuan Kelestarian Alam Sekitar Dari Aspek Elemen Udara	81
4.13	Pengetahuan Kelestarian Alam Sekitar Dari Aspek Kitar Semula	83
4.14	Nilai Min dan Sisihan Piawai Tahap Sikap Kelestarian Alam Sekitar	84
4.15	Sikap Kelestarian Alam Sekitar dari Aspek Alam Sekitar	85
4.16	Sikap Kelestarian Alam Sekitar dari Aspek Sosial	86
4.17	Sikap Kelestarian Alam Sekitar dari Aspek Ekonomi	88
4.18	Nilai Min dan Sisihan Piawai Tahap Tingkah Laku Kelestarian Alam Sekitar	89
4.19	Tingkah Laku Kelestarian Alam Sekitar Dari Aspek Alam Sekitar	90
4.20	Tingkah Laku Kelestarian Alam Sekitar Dari Aspek Sosial	91
4.21	Tingkah Laku Kelestarian Alam Sekitar Dari Aspek Ekonomi	92
4.22	ANOVA Sehalu Perbezaan Tahap Tingkah Laku Kelestarian Alam Sekitar Mengikut Pengalaman Mengajar	94
4.23	Hubungan Antara Pengetahuan Dengan Tingkah Laku Kelestarian Alam Sekitar	95
4.24	Hubungan Antara Sikap Dengan Tingkah Laku Kelestarian Alam Sekitar	97
4.25	Hasil Dapatan Hipotesis Kajian	98

SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
1.1	Kerangka Konsep Kajian	15
2.1	Model KAP	36
2.2	Teori Tingkah Laku Terancang (Theory of Planned Behavior-TPB)	38
3.1	Reka Bentuk Kajian	41
3.2	Peta Negeri Pahang Mengikut Daerah	42
3.3	Boxplot Pengetahuan Kelestarian Alam Sekitar	61
3.4	Boxplot Sikap Kelestarian Alam Sekitar	61
3.5	Boxplot Tingkah Laku Kelestarian Alam Sekitar	62



SENARAI LAMPIRAN

- A Borang Soal Selidik
- B Kelulusan Etika Penyelidikan Manusia oleh RMIC UPSI
- C Pengesahan Pelajar Membuat Penyelidikan
- D Kelulusan Menjalankan Kajian oleh KPM (Bahagian Perancangan dan penyelidikan Dasar Pendidikan)
- E Kelulusan Menjalankan Kajian oleh Jabatan Pendidikan Negeri Pahang



BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Bahagian ini menjelaskan pelbagai aspek dalam kajian yang telah dilakukan, iaitu merangkumi latar belakang kajian, objektif kajian, persoalan kajian, pernyataan masalah serta hipotesis kajian. Seterusnya, bahagian ini menerangkan mengenai batasan kajian, kepentingan kajian, kerangka konsep serta definisi operasional yang digunakan.

1.2 Latar Belakang Kajian

Selepas Pusat Perkembangan Kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) (dahulu dikenali sebagai Kementerian Pelajaran) menerbitkan Buku Panduan Guru Pendidikan Alam Sekitar Merentas Kurikulum bagi sekolah rendah dan menengah pada tahun 1998, pengajaran Pendidikan Alam Sekitar (PAS) mula berlangsung dengan rasminya pada peringkat sekolah di Malaysia. Buku untuk kanak-kanak prasekolah

telah dikeluarkan pada tahun 2005. Pendidikan prasekolah kini merangkumi pendidikan tentang alam sekitar. Elemen yang paling penting dalam pertumbuhan awal akademik dan proses pembelajaran kanak-kanak merupakan sebahagian daripada pendidikan prasekolah mereka. Oleh sebab sikap dan kemahiran kanak-kanak masih berkembang, penekanan kepada pendidikan asas menjadi pemacu utama pembangunan modal insan (Kementerian Pendidikan Malaysia [KPM], 2010).

Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) diwajibkan secara rasminya pada 1 Januari 2010 dan digunakan di prasekolah Malaysia berpandukan Akta Pendidikan 1996 (Pindaan 2002) yang telah diberi kelulusan oleh KPM. Jabatan Alam Sekitar juga telah mengeluarkan Modul Kesedaran Alam Sekitar Prasekolah Lestari untuk pendidikan awal kanak-kanak prasekolah. Matlamat penerbitan modul ini adalah bagi mengajar kanak-kanak tentang nilai melindungi alam sekitar. KSPK dirancang untuk mengembangkan potensi kanak-kanak berusia empat hingga enam tahun secara komprehensif dengan menyatukan aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek serta sosial melalui lingkungan pembelajaran yang merangsang dan sejahtera serta membawa elemen keseronokan, kekreatifan dan bermakna dalam aktiviti pembelajaran yang dijalankan. Enam teras, iaitu Kerohanian, Sains dan Teknologi, Komunikasi, Sikap dan Nilai, Keterampilan Diri, Kemanusiaan serta Perkembangan Fizikal dan Estetika menjadi satu asas kepada pembinaan KSPK. Enam tunjang tersebut merupakan bidang penting yang digabungkan dengan pemikiran kreatif, kritikal dan inovatif. Matlamat pengintegrasian tersebut adalah bagi mewujudkan modal insan yang tinggi penghayatannya terhadap nilai-nilai murni berpaksikan agama, memiliki pengetahuan, berketerampilan, berpemikiran kreatif, kritis dan inovatif.

Salah satu daripada objektif KSPK untuk dicapai oleh murid adalah menyayangi dan menghargai alam sekitar. Murid berpeluang mengenali dan membuat penghargaan terhadap sendiri, orang sekeliling, masyarakat setempat, alam sekitar, tanah air Malaysia, dan dunia berlandaskan Tunjang Kemanusiaan. Selain itu, matlamat KSPK adalah untuk membangunkan murid dengan kemahiran kognitif, kemahiran hidup dan pekerjaan yang diperlukan pada era abad ke-21 melalui penekanan terhadap penerapan prinsip moral seperti penyayang dan prihatin. Hasilnya, murid akan mempamerkan sikap empati, belas kasihan, dan menghormati keperluan serta emosi orang lain. Mereka juga akan lebih berdedikasi untuk membantu masyarakat dan melestarikan alam sekitar. Menurut pandangan United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO, 2015), kelestarian ditafsirkan sebagai suatu keadaan yang perlu dikekalkan secara berterusan buat generasi yang akan datang. Oleh itu, kelestarian telah menjadi dasar kepada sesebuah negara bagi membentuk sebuah sistem pentadbiran yang mampan dari segi prestasi ekonomi, sosial dan juga alam sekitarnya (UNESCO, 2012).

Pendidikan tentang alam sekitar telah membantu meningkatkan kesedaran manusia mengenai keperluan dan peri pentingnya melindungi dan menjaga alam sekitar akibat kemunculan beberapa kesukaran dan masalah yang berkenaan (Dato, Mahat, Hashim, & Saleh, 2020). Bagi menyahut seruan Dasar Wawasan Negara ketujuh, iaitu meneruskan pembangunan alam sekitar yang mampan untuk mengukuhkan pertumbuhan dalam jangka panjang, adalah penting untuk menambahkan pengetahuan dan kesedaran berkenaan alam sekitar. Justeru, kaedah terbaik untuk melahirkan generasi dengan kefahaman dan kesedaran mengenai alam sekitar yang mendalam adalah melalui pendidikan (Jimaain, Halim, Aderi, & Noh,



2012). Supaya proses yang berterusan ini mampu mengimbangi interaksi antara manusia dengan alam sekitar, perlindungan serta kegiatan memulihara alam sekitar harus ditanam dalam diri setiap orang bermula daripada akar umbinya (Boyes & Stanisstreet, 2012; Buchan, 2004). Sebelum kanak-kanak memasuki pembelajaran formal, sikap terhadap alam sekitar sewajarnya dipupuk sejak usia muda lagi (Chawla, 2006).

Salah satu Elemen Merentas Kurikulum (EMK) dalam KSPK ialah kelestarian alam sekitar. Komponen nilai tambah yang dikenali sebagai EMK digunakan semasa sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) selain yang digariskan dalam standard kandungan. Komponen-komponen tersebut digunakan untuk mengasah kemahiran dan keupayaan modal insan yang diperlukan selain diperlengkap dengan lebih baik bagi mengatasi cabaran semasa dan yang akan datang. Elemen kelestarian alam sekitar yang perlu dipupuk oleh guru prasekolah melalui PdPc semua mata pelajaran ialah kesedaran menyayangi dan menjaga alam sekitar dalam jiwa kanak-kanak. Dalam pada itu, untuk membentuk sikap dan tingkah laku murid-murid pada masa awal mereka memasuki dunia pendidikan, guru prasekolah memainkan peranan yang mustahak. Dalam hal ini, guru prasekolah dapat membantu membina etika murid yang mencintai khazanah alam dengan memberikan pemahaman dan kesedaran mengenai pentingnya pemeliharaan alam. Ini akan membantu menanam sikap peduli terhadap pembentukan generasi yang mampu memelihara alam untuk masa depan.

Mengikut Didham and Ofei-Manu (2015), penerapan konsep kelestarian paling berkesan adalah melalui pendidikan. Sebagai alat asas dalam pengawalan





alam sekitar dan pembangunan mampan, pendidikan telah mendapat penerimaan yang meluas. Pada persidangan Tbilisi pada tahun 1977, pendidikan telah diakui menjadi alat kawalan alam sekitar yang penting dan menggalakkan kelestarian dalam pembangunan. Menurut Othman (2002), wujud hubungan yang berkaitan antara pembangunan negara dengan pembangunan pendidikan dan perubahan sosial dalam sesuatu masyarakat. Pendidikan mencerminkan perubahan dalam masyarakat seiring dengan ekonomi yang berkembang. Pada dasarnya, pendidikan melibatkan usaha untuk mengubah perilaku manusia, yang dikenali sebagai pengubahan tingkah laku (behaviour modification) menerusi strategi pembelajaran dan pengajaran. Tujuannya adalah agar individu yang kurang mengetahui sesuatu hal akan memiliki pengetahuan setelah menerima pendidikan, manakala seseorang yang kurang berkemahiran akan menjadi mahir setelah dilatih atau mendapatkan pendidikan (Othman, 2002). Pendidikan tentang alam sekitar dilihat mustahak dalam membantu golongan muda menambahkan ilmu pengetahuan dan kesedaran tentang pentingnya memelihara alam sekitar. Tambahan pula, generasi akan datang boleh menguruskan kehidupan mereka dengan lebih baik menerusi pendidikan alam sekitar (Perikleous, 2004). Pendidikan ini amat penting untuk meningkatkan pengetahuan golongan muda khususnya berkaitan pemeliharaan dan pengekalan kualiti alam sekitar (Dato et al., 2020). Komitmen yang tinggi daripada semua lapisan masyarakat terutamanya generasi kini amat diperlukan untuk membawa satu perubahan yang positif dalam kelestarian alam sekitar. Setiap orang wajar dipersiapkan dengan ilmu pendidikan alam sekitar sejak usia muda lagi sebelum mereka terlebih dahulu melakukan tingkah laku negatif mencemarkan alam sekitar. Pengetahuan yang lengkap, sikap mesra alam dan tingkah laku alam sekitar yang terpuji dalam diri seseorang pasti membantu dalam menyelesaikan segala permasalahan yang berbangkit mengenai alam sekitar.





Oleh itu golongan pendidik khususnya guru pendidikan awal kanak-kanak perlu diberikan pendidikan berkaitan alam sekitar yang mencukupi supaya mereka dapat mempraktikkan tingkah laku kelestarian alam sekitar dalam aktiviti harian. Warga pendidik yang memiliki persediaan untuk mendidik ilmu pengetahuan mengenai alam sekitar boleh memberi pengaruh yang besar kepada murid, sepertimana akan ada halangan untuk generasi akan datang untuk menyelesaikan masalah jika guru tidak dilengkapi dengan persediaan untuk mengajarkan kelestarian alam sekitar (Ashmann & Franzen, 2017). Menyayangi khazanah alam dan memahami kepentingan menjaganya akan membentuk sikap prihatin dan bertanggungjawab dalam kalangan murid-murid prasekolah. Pendidikan alam sekitar yang baik akan membantu mereka memahami cara menggunakan sumber alam dengan bijak dan melindungi alam semula jadi untuk masa hadapan. Ini akan membentuk sikap hidup berjimat cermat dan bertanggungjawab terhadap alam sekitar. Ini akan membantu mereka menjadi generasi yang prihatin terhadap alam sekitar dan memastikan kelestarian alam semula jadi untuk masa hadapan.

Pendidikan menjadi perbincangan yang digunakan untuk menyebarkan pengetahuan dengan tujuan membentuk individu yang sensitif dan prihatin akan pentingnya ekosistem alam sekitar (Ali, 2017). Pendidikan alam sekitar dikenali sebagai metode untuk meningkatkan pemahaman dan pengetahuan, sikap, nilai-nilai serta kesedaran dalam diri murid dan masyarakat berkenaan perlindungan alam sekitar. Menurut Chethana (2003), adalah perlu bagi mencetuskan kesedaran mengenai alam sekitar dengan ditanamkan sejak usia muda dalam diri masyarakat. Oleh sebab itu, guru Pendidikan Awal Kanak-Kanak (PAKK) didapati mempunyai fungsi mustahak dalam usaha memastikan keberkesanan PAS kepada generasi muda





ini. Guru yang menjalani kehidupan yang mengutamakan kesedaran kelestarian alam sekitar mencerminkan kepercayaan mereka tentang kepentingannya dan ini ditunjukkan melalui tindakan mereka. Ini memberi kesan kepada pendidikan kanak-kanak kerana guru boleh membantu mereka membiasakan diri melalui konsep kesinambungan selain memupuk kesedaran tentang kelestarian alam sekitar (Major, Namestovski, Horák, Bagány, & Krekić, 2017). Pemahaman ini boleh membantu dalam pemahaman dan menggalakkan kesinambungan pada semua skala, bukan sahaja pada peringkat peribadi. Ini sepatutnya menjadi idea asas dalam pembelajaran, aplikasi, dan kandungan pengajaran yang berterusan (Wamsler et al., 2018). Bagi menjana guru yang bertanggungjawab untuk masa depan yang mampan (UNESCO, 2010), program pendidikan guru perlu ditambah baik kerana guru adalah penting dalam mempengaruhi pembaharuan yang diperlukan untuk mencapai pembangunan



lestari. Ini berikutan kesedaran dan sikap guru terhadap alam sekitar sebagai antara faktor yang memberi kesan kepada tahap keupayaan mereka untuk melaksanakan pendidikan berkaitan alam sekitar. Sikap, tingkah laku dan nilai kanak-kanak kepada alam sekitar dipengaruhi oleh sikap dan keyakinan guru terhadap pengajaran PAS (Barraza, 1999). Menurut Ali (2019), sikap guru yang positif terhadap perlindungan alam sekitar amat berkait rapat dengan tingkah laku mereka, yang seterusnya digunakan semasa sesi pembelajaran murid melalui pertuturan dan tingkah laku secara tersurat atau tersirat. Selain proses pendidikan formal yang telah disediakan oleh pengajar, murid-murid juga mengambil pengetahuan dan tingkah laku daripada guru berdasarkan pemerhatian mereka. Dalam membentuk sikap dan tingkah laku kanak-kanak terhadap alam sekitar, guru memiliki fungsi yang sangat mustahak. Guru sewajarnya memiliki sikap dan pengetahuan yang baik berkenaan kelestarian alam sekitar dan mesti boleh menerapkan dan mengajar nilai-nilai yang selaras



dengan ini kepada murid mereka. Dengan cara itu, guru dapat menunjukkan contoh yang baik dan membantu membentuk generasi yang mementingkan alam sekitar dan memahami kepentingan menjaga alam semula jadi untuk masa hadapan.

1.3 Pernyataan Masalah

Secara global, United Nation (UN) telah melaksanakan matlamat tujuh Agenda 2030 dalam kalangan Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang mengandungi 17 Matlamat Pembangunan Lestari. Matlamat ketujuh daripada keseluruhan matlamat tersebut adalah untuk memastikan kelestarian Alam Sekitar (UNESCO, 2015). Malaysia juga tidak terkecuali dalam membentuk usaha kearah kelestarian ini dengan menjadi sebuah negara maju yang lestari seperti dirancang dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK11) yang berteraskan pengetahuan dan amalan menjaga alam sekitar (Norkhaidi, Mahat, Hashim, Nayan, & Saleh, 2017). Berdasarkan *World Conservation Strategy*, pendidikan alam sekitar memiliki dimensi yang mampu mengubah pandangan dan perilaku masyarakat dengan tujuan mengembangkan etika terhadap alam sekitar (Palmer, 2002). Menurut Abdul Rahman (2019) pendidikan memiliki fungsi yang penting dalam pembentukan sikap serta pemikiran individu ke arah kebaikan.

Justeru itu, tindakan yang lebih proaktif telah diambil oleh KPM dengan memberi penekanan terhadap proses menerapkan PAS sejak peringkat sekolah lagi. Beberapa inisiatif pendidikan dan kesedaran alam sekitar dibangunkan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar Malaysia selaras dengan Dasar Alam Sekitar dalam usaha memupuk nilai murni alam sekitar kepada orang awam. Pendidikan alam sekitar bukan sahaja harus dijadikan sebagai wadah penyebaran ilmu tetapi juga



sebagai satu cara hidup (Raman & Abu Bakar, 2019). Menurut Chethana (2003), terdapat keperluan kritikal untuk meningkatkan kesedaran alam sekitar di seluruh masyarakat, terutamanya dalam kalangan kanak-kanak yang merupakan generasi akan datang. Mendidik kanak-kanak tentang kepentingan penjagaan alam sekitar dan menyemai sikap prihatin terhadap alam sekitar sejak kecil akan membantu membentuk generasi yang lebih bertanggungjawab dan memahami kepentingan menjaga alam untuk masa hadapan. Oleh itu, pendidikan alam sekitar di peringkat prasekolah adalah sangat penting.

Pendedahan dan pendidikan awal pada peringkat prasekolah merupakan komponen penting dalam strategi untuk menjamin hasil pendidikan memenuhi keperluan modal insan yang tinggi (Mahat, Shahrudin, Noraziah, & Mohamad Suhaily Yusry, 2015). Pada permulaan pendidikan formal, sikap dan tingkah laku kelestarian murid akan dibantu oleh guru yang bersedia dari segi pengetahuan mereka tentang aktiviti kelestarian (Mahat, Shahrudin, et al., 2015). Guru yang memahami kepentingan aktiviti kelestarian dapat membantu membentuk sikap dan tingkah laku yang sesuai dalam diri murid.

Pendidikan Alam Sekitar di peringkat prasekolah telah diterapkan dalam Kurikulum Standard Kandungan Prasekolah Kebangsaan melalui Tunjang Kemanusiaan (Saya dan Alam Sekitar), namun kajian membuktikan tahap pengetahuan guru dan kanak-kanak prasekolah terhadap alam sekitar adalah masih rendah (Dato et al., 2020). Selain itu, tingkah laku serta sikap terhadap alam sekitar juga tidak memuaskan kerana kanak-kanak kurang prihatin dengan isu tersebut. Justeru, guru prasekolah mempunyai fungsi utama untuk menjayakan Pendidikan





Alam Sekitar merentasi Kurikulum serta menyahut seruan Dasar Wawasan Negara ketujuh, iaitu meneruskan pembangunan alam sekitar yang mampan bagi meneguhkan pertumbuhan jangka panjang. Tambahan pula, penyampaian Pendidikan Alam Sekitar oleh guru prasekolah adalah seiring dengan Rancangan Malaysia yang ke-11 (RMK-11) iaitu mempertingkatkan pendidikan dan kesedaran mengenai pembangunan mampan disekolah, institusi pendidikan tinggi dan pusat latihan guru.

Mat Said, Yahaya, and Ahmadun (2007) menyatakan, satu faktor yang mengakibatkan kurangnya keberkesanan pendidikan tentang alam sekitar di institusi pendidikan seperti sekolah adalah kurangnya kecekapan guru dalam menguasai isi kandungan mata pelajaran Pendidikan Alam Sekitar, selain daripada kurangnya motivasi dan kekurangan kemahiran diri. Selain itu, Sikap guru yang tidak mendalami sepenuhnya aspek kelestarian alam sekitar dan sumber rujukan serta bahan bantu mengajar yang agak terhad dalam Pendidikan Lestari ini juga boleh menyumbang kepada kurangnya kesedaran murid terhadap kesan alam sekitar dalam kehidupan (Mahat, 2014). Disamping itu, Mahat (2014) turut menyatakan bahawa guru tidak diberikan kursus berkaitan Pendidikan Alam Sekitar dan guru hanya fokus terhadap mata pelajaran teras sahaja yang mana elemen kelestarian yang ingin dintegrasikan hanya dijadikan sebagai elemen “sampingan” sahaja menyebabkan aspek ini tidak mencapai matlamatnya untuk memberikan pengetahuan tentang kepentingan alam sekitar. Kenyataan ini turut disokong oleh Abdul Rahman (2017) iaitu kerap kali, aspek pendidikan alam sekitar di sekolah diabaikan. Sementara itu, sukatan pelajaran pada peringkat sekolah hanya mengandungi beberapa elemen





pendidikan mengenai alam sekitar yang dimasukkan ke dalam mata pelajaran dan kelab tertentu seperti Kelab Pencinta Alam.

Kajian tingkah laku pengekalan guru di peringkat prasekolah boleh memberi manfaat yang besar kepada pendidikan awal kanak-kanak. Melalui kajian ini, tahap pemahaman dan penglibatan guru yang baik dalam aktiviti alam sekitar boleh didapati. Guru yang mempunyai sikap dan tingkah laku kelestarian yang baik boleh mempengaruhi kanak-kanak untuk menghormati dan menghargai alam sekitar sejak kecil lagi. Oleh itu, kajian ini penting bagi memastikan pendidikan alam sekitar yang baik dilaksanakan di peringkat prasekolah dan menjadi sebahagian daripada pendidikan asas kanak-kanak. Bagi menyokong pembangun alam sekitar, pelaksanaan semasa peringkat awal usia merupakan satu pelaburan yang bernas dan terbaik. Maka, kajian berkaitan pengetahuan, sikap serta tingkah laku kelestarian alam sekitar dalam kalangan guru prasekolah ini wajar dijalankan supaya pendedahan dan kesedaran berkaitan alam sekitar pada peringkat prasekolah di Malaysia dapat dikecapi.

1.4 Objektif Kajian

Terdapat beberapa objektif bagi kajian ini:

- i. Mengetahui tahap pengetahuan kelestarian alam sekitar dalam kalangan guru prasekolah.
- ii. Mengetahui tahap sikap kelestarian alam sekitar dalam kalangan guru prasekolah.



- iii. Mengenal pasti tahap tingkah laku kelestarian alam sekitar dalam kalangan guru prasekolah.
- iv. Meneliti perbezaan yang signifikan antara tahap tingkah laku kelestarian alam sekitar guru prasekolah mengikut pengalaman mengajar.
- v. Menganalisis hubungan yang signifikan antara pengetahuan kelestarian alam sekitar dengan tingkah laku kelestarian alam sekitar dalam kalangan guru prasekolah.
- vi. Menganalisis hubungan yang signifikan antara sikap kelestarian alam sekitar dengan tingkah laku kelestarian alam sekitar dalam kalangan guru prasekolah.

1.5 Persoalan Kajian

Bagi mencapai objektif kajian, terdapat beberapa persoalan yang ingin di kupas dalam kajian ini iaitu:

- i. Apakah tahap pengetahuan kelestarian alam sekitar dalam kalangan guru prasekolah?
- ii. Apakah tahap sikap kelestarian alam sekitar dalam kalangan guru prasekolah?
- iii. Apakah tahap tingkah laku kelestarian alam sekitar dalam kalangan guru prasekolah?
- iv. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap tingkah laku kelestarian alam sekitar dalam kalangan guru prasekolah mengikut pengalaman mengajar?

- v. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara pengetahuan kelestarian alam sekitar dengan tingkah laku kelestarian alam sekitar dalam kalangan guru prasekolah?
- vi. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara sikap kelestarian alam sekitar dengan tingkah laku kelestarian alam sekitar dalam kalangan guru prasekolah?

1.6 Hipotesis Kajian

Kajian ini menggunakan pakai hipotesis nul (H_0) kerana hipotesis ini merupakan jangkaan kepada tiada perbezaan atau hubungan antara fenomena yang dikaji, serta hipotesis nul merupakan hipotesis yang boleh diuji menggunakan pengujian statistic (Hussin, Ali, &

Noor, 2014; Zulfikri, 2021).

Ho (1) : Tiada perbezaan yang signifikan antara tahap tingkah laku kelestarian alam sekitar dengan pengalaman mengajar dalam kalangan guru prasekolah.

Ho (2) : Tiada hubungan yang signifikan antara pengetahuan kelestarian alam sekitar dengan tingkah laku kelestarian alam sekitar dalam kalangan guru prasekolah.

Ho (3) : Tiada hubungan yang signifikan antara sikap kelestarian alam sekitar dengan tingkah laku kelestarian alam sekitar dalam kalangan guru prasekolah.




1.7 Kerangka Konsep Kajian

Kerangka konseptual yang dibangunkan adalah berpandukan Model KAP (Knowledge, Attitude, Practices) yang telah mengalami pengubahsuaian oleh Ramsey and Rickson (1976) dan Teori Tingkah laku Terancang (Icek Ajzen, 1991) yang melibatkan dua pemboleh ubah tidak bersandar, iaitu pengetahuan kelestarian alam sekitar serta sikap kelestarian alam sekitar. Manakala dalam kajian ini, pemboleh ubah bersandarnya merupakan tingkah laku kelestarian alam sekitar dalam kalangan guru prasekolah. Pemboleh ubah pengetahuan kelestarian alam sekitar merujuk pengetahuan kelestarian alam sekitar guru prasekolah yang meliputi elemen air, elemen udara, elemen tumbuhan, elemen kitar semula dan elemen haiwan. Manakala pemboleh ubah sikap kelestarian alam sekitar dan tingkah laku kelestarian alam sekitar adalah berteraskan kepada tiga tunggak pendidikan pembangunan lestari sikap iaitu alam sekitar, sosial dan ekonomi. Elemen – elemen ini penting dalam membantu guru prasekolah yang akan memberikan pendidikan dan pendedahan berkaitan alam sekitar kepada murid untuk menyayangi dan menghargai alam sekitar.

Pada tahun 1991, Ajzen mengemukakan Teori Tingkah Laku Terancang yang menghuraikan faktor-faktor yang mempengaruhi tingkah laku individu terhadap sesuatu perkara. Teori ini berandaian bahawa jika seseorang berkeinginan untuk bertindak terhadap sesuatu perkara, maka dia akan bertindak. Jika dia tidak berkeinginan untuk bertindak, maka dia tidak akan bertindak. Ajzen (1991) juga berpendapat tingkah laku seseorang turut berangkut paut dengan pengetahuan dan sikap yang dimiliki. Kajian ini mengkaji tingkah laku kelestarian alam sekitar guru prasekolah berdasarkan pengetahuan dan sikap. Selain itu, penyelidik juga berkeinginan untuk mengkaji sama ada terdapat hubungan atau tidak antara



pemboleh ubah bebas dan pemboleh ubah bersandar yang berkaitan dalam kajian ini. Demografi yang telah dipilih ialah pengalaman mengajar yang akan dianalisis perbezaannya dengan pemboleh ubah bersandar. Rajah 1.1 memaparkan kerangka konsep kajian yang akan digunakan dalam kajian.



Rajah 1.1. Kerangka Konsep Kajian

1.8 Kepentingan Kajian

Kajian ini menumpukan tingkah laku kelestarian alam sekitar dengan menggunakan pakai Teori Tingkah Laku Terancang dan Model KAP bagi menilai sikap, tahap pengetahuan serta tingkah laku kelestarian alam sekitar guru prasekolah. Justeru, hasil kajian ini

dapat memberi input berguna berkenaan tahap pengetahuan, sikap dan tingkah laku kelestarian alam sekitar dalam kalangan guru prasekolah dan memberi kesan positif kepada pihak-pihak yang turut terlibat dalam penerapan pendidikan alam sekitar.

Kajian ini penting dilakukan bagi menambah pengetahuan tentang pendidikan awal kanak-kanak khususnya bagi golongan pendidik guru di Malaysia. Hasil kajian ini dapat menjadi satu penanda aras untuk mempertingkatkan tahap pengetahuan tentang alam sekitar guru pendidikan awal. Kajian ini akan membantu menentukan bagaimana guru dapat memainkan peranan yang lebih penting dalam membentuk sikap dan tingkah laku persekitaran yang positif dalam kalangan kanak-kanak. Oleh itu, kajian ini penting bagi memastikan pendidikan alam sekitar yang baik dilaksanakan di peringkat prasekolah dan menjadi sebahagian daripada pendidikan asas kanak-kanak. Secara tidak langsung, hasil kajian membantu guru prasekolah melakukan perubahan semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung supaya murid dapat memahami dan menggunakan pengetahuan sains untuk merawat dan memulihara alam sekitar. Sekiranya guru mempunyai pengetahuan yang tinggi, proses penyampaian proses pengajaran dan pembelajaran akan menjadi lebih efektif. Bagi para pendidik, memiliki pemahaman mendalam tentang pendidikan kelestarian alam sekitar merupakan hal yang penting agar mereka dapat membentuk sikap, menyampaikan pengetahuan dan menanamkan nilai-nilai yang sesuai kepada murid (Ali, 2017).

Seterusnya, dapatan kajian ini memberi informasi kepada pentadbir sekolah supaya boleh merancang strategi yang sesuai untuk guru prasekolah mengikuti kursus mahupun bengkel yang bersesuaian mengenai kelestarian alam sekitar bagi



memudahkan kanak-kanak prasekolah memahami konsep kelestarian alam sekitar. Selain itu, pihak sekolah juga boleh melaksanakan program dalam bentuk ceramah bagi menerangkan aspek kelestarian alam sekitar yang perlu ada di prasekolah yang menjamin kelestarian alam sekitar di prasekolah.

Melalui kajian ini, pihak kementerian akan mendapat sumber maklumat baru tentang elemen kelestarian alam sekitar dalam kalangan guru prasekolah. Penerapan elemen merentas kurikulum kelestarian alam sekitar ini seharusnya diterapkan kepada generasi muda sejak di awal bangku sekolah lagi. Justeru, gambaran awal dapat diberikan kepada pihak berkaitan seperti Kementerian Pendidikan menerusi hasil kajian ini tentang kepentingan menjalankan pendidikan alam sekitar di Malaysia. Kajian ini mampu membantu mengukuhkan hujah bahawa pendidikan alam sekitar harus menjadi sebahagian daripada sistem pendidikan negara dan harus disepadukan di semua peringkat pendidikan termasuk pendidikan awal. Dengan menyedari kepentingan pendidikan alam sekitar, Kementerian Pendidikan boleh membuat dasar yang lebih baik dan bersasar bagi memastikan pendidikan alam sekitar menjadi sebahagian daripada asas pendidikan kanak-kanak.

Hasil daripada kajian ini diharap dapat menyedarkan masyarakat sekeliling tentang kepentingan kelestarian alam sekitar dalam memelihara alam sekitar. Disamping itu, pihak yang terlibat juga perlu menyediakan aktiviti – aktiviti yang berkesan seperti gotong royong, hari kitar semula yang dapat menerapkan perasaan cinta akan alam sekitar dalam kalangan masyarakat terutamanya kanak-kanak. Kelestarian alam sekitar adalah untuk menyumbang kepada pembangunan warga celik alam sekitar dan konsisten dalam membantu mengatasi masalah alam sekitar





yang timbul (Dato et al., 2020). Kualiti alam sekitar yang sentiasa dijaga secara tidak langsung dapat mewujudkan negara kearah pembangunan lestari.

Justeru kajian ini dapat menyokong gagasan kementerian pelajaran Malaysia yang meminta semua guru dan murid sekolah untuk sentiasa menjaga alam sekitar yang telah dinyatakan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 - 2025 (KPM, 2012). Tidak leap juga dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. KPM telah menyeru rakyat Malaysia agar mewujudkan sinergi antara pihak berkepentingan termasuk murid, guru, sekolah, ibu bapa serta pegawai kementerian bagi menghasilkan satu sistem pendidikan yang berpendidikan setanding dengan negara-negara yang maju (Desmon, 2019). Kerjasama tersebut merangkumi semua aspek pendidikan termasuklah dari segi sosioekonomi, budaya masyarakat, alam sekitar dan sebagainya (Desmon, 2019).

1.9 Batasan Kajian

Kajian ini dilaksanakan bagi mengetahui tahap pengetahuan, sikap serta tingkah laku kelestarian alam sekitar dalam kalangan para guru prasekolah Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sahaja. Kajian ini tidak melibatkan agensi tadika lain seperti KEMAS, PERPADUAN, JPNIN dan ABIM. Selain itu, lokasi kutipan data hanya dijalankan di daerah Lipis, Pekan dan Rompin sahaja. Daerah – daerah lain di negeri Pahang tidak terpilih untuk dimasukkan ke dalam kajian ini kerana kekangan masa. Semua proses pengumpulan data pengkaji telah melebihi edaran borang soal selidik melebihi bilangan sampel walaupun seramai 118 orang sahaja sampel minima yang diperlukan. Hal ini kerana kadar pulangan soal selidik adalah diluar bidang kawalan pengkaji.



Kajian ini dilaksanakan secara tinjauan yang mengguna pakai satu set soal selidik yang diadaptasikan mengikut kesesuaian kajian serta melibatkan kaedah yang lain seperti pemerhatian atau temubual terhadap guru. Data yang diperoleh melalui penyelidikan ini dikelola melalui platform dalam talian "*google form*". Oleh sebab itu, tanggapan guru prasekolah terhadap soal selidik yang diajukan terbatas pada pernyataan dan jawapan yang telah disediakan oleh pengkaji, serta kejujuran responden dalam memberikan jawapan. Oleh itu, data yang diperolehi adalah bersifat numerik dan tidak bersifat mendalam. Kejituan maklumat bergantung pada kerjasama, ketelusan dan pemahaman responden dalam memberikan jawapan terhadap semua soalan yang dimasukkan dalam borang soal selidik.

1.10 Definisi Operasional

Beberapa istilah yang diguna pakai dalam kajian dibincangkan dalam bahagian ini.

1.10.1 Guru Prasekolah

Menurut Ibrahim (2019) guru prasekolah merupakan seorang guru yang mendidik kanak - kanak berusia lingkungan empat hingga enam tahun serta memberi pengalaman kepada kanak – kanak, berkenaan alam persekolahan serta pengalaman permulaan dalam menjalinkan hubungan antara kanak-kanak. Selain itu, menurut Don, Daud, Ghazali and Yusoff (2015) guru prasekolah ialah guru yang berkhidmat di prasekolah KPM serta memiliki kelulusan khas dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak.

Bagi kajian ini, guru prasekolah merupakan guru yang mengajar kanak-kanak berumur empat hingga enam tahun di prasekolah sebelum kanak-kanak ini menyertai alam persekolahan secara formal. Guru, atau boleh disebut sebagai pendidik, ialah individu yang memegang profesion yang dilengkapi dengan kemahiran tinggi, pengetahuan yang komprehensif, serta kepakaran dalam melaksanakan tugas-tugasnya. Kumpulan guru ini merangkumi individu-individu yang memiliki kelayakan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM), Diploma, dan Ijazah dalam bidang Pendidikan Awal Kanak-kanak atau bidang lain.

1.10.2 Pengetahuan Kelestarian Alam Sekitar

Menurut Huang and Shih (2011) menjelaskan bahawa pengetahuan alam sekitar merupakan pemahaman dan keprihatinan mengenai persekitaran semula jadi dan mendorong tanggungjawab individu untuk melakukan perlindungan terhadap alam sekitar. Pengetahuan kelestarian alam sekitar ditakrifkan keupayaan individu memahami perkara yang berkaitan dengan alam sekitar seperti perlindungan, pemuliharaan alam sekitar serta penambahbaikan semula (Marinova, Annandale, & Phillimore, 2008). Seterusnya, menurut Neath and Surprenant (2002) menyatakan bahawa pengetahuan guru merujuk kepada apa yang guru ketahui.

Dalam konteks kajian ini, pengetahuan kelestarian alam sekitar yang diperhatikan ialah kemampuan guru untuk memahami dan mendalami isu yang berkaitan dengan kelestarian alam sekitar yang meliputi elemen air, elemen tumbuh-tumbuhan, elemen udara, elemen haiwan dan elemen kitar semula.

1.10.3 Sikap Kelestarian Alam Sekitar

Menurut Zheng, Xu, Kong, Deng and Lin (2018) menyatakan bahawa sikap merupakan proses psikologi yang unit dan cenderung membentuk emosi, pandangan serta amalan. Sikap kelestarian alam sekitar merupakan perasaan mengambil berat terhadap alam sekitar, bermotivasi terlibat secara aktif untuk melindungi dan memperbaiki alam sekitar (UNESCO-UNEP, 1978).

Dalam kajian ini, sikap didefinisikan sebagai kecenderungan guru prasekolah dalam melaksanakan perkara yang berkaitan kelestarian alam sekitar. Pengukuran sikap adalah berteraskan kepada tiga tunggak pendidikan pembangunan lestari iaitu alam sekitar, sosial dan ekonomi. Sikap alam sekitar merujuk kepada kecenderungan guru prasekolah untuk melakukan perkara yang bersikap positif atau negatif terhadap penjimatan air, penggunaan tenaga, penggunaan produk mesra alam, kemudahan pengangkutan dan kitar semula. Sikap sosial merujuk kepada kecenderungan guru prasekolah untuk melakukan perkara yang positif di antara alam sekitar dan masyarakat awam. Sikap ekonomi merujuk kepada kecenderungan guru prasekolah untuk bersikap positif atau negatif terhadap kelestarian alam sekitar seperti pemakaian produk yang mesra alam serta kemudahan pengangkutan.

1.10.4 Tingkah Laku Kelestarian Alam Sekitar

Tindakan atau perlakuan yang dijalankan secara berulang kali merujuk tingkah laku (Ali, 2017). Tingkah laku kelestarian alam sekitar ialah tindakan atau aktiviti yang dijalankan dengan tujuan melindungi dan menjaga alam sekitar. Dengan ini, dapat dipastikan bahawa keperluan generasi kini dan mendatang tidak terpengaruh oleh

perlakuan yang merugikan terhadap alam sekitar (Ali, 2017). Menurut Park and Ha (2012), tingkah laku kelestarian alam sekitar dijelaskan sebagai perbuatan individu untuk memelihara alam sekitar. Contohnya, mengawal penggunaan sumber alam semula jadi dan menghindarkan penghasilan sisa yang merosakkan ekosistem.

Bagi kajian ini, tingkah laku kelestarian alam sekitar didefinisikan sebagai tingkah laku guru prasekolah yang meminimumkan impak negatif keatas alam sekitar. Pengukuran tingkah laku adalah berteraskan kepada tiga domain utama pendidikan pembangunan lestari iaitu elemen alam sekitar, sosial dan ekonomi. Tingkah laku kelestarian alam sekitar yang dikaji merupakan tingkah laku penjimatan air, tingkah laku 3R (Reduce – Reuse – Recycle), tingkah laku penggunaan tenaga, tingkah laku kemudahan pengangkutan dan tingkah laku penggunaan produk mesra alam

1.11 Rumusan

Bab ini menggambarkan kerational tajuk ini dipilih. Secara keseluruhannya, bahagian ini mengupas secara terperinci tentang keseluruhan maklumat awal kajian, iaitu hipotesis kajian, permasalahan kajian, latar belakang kajian, tujuan kajian, persoalan kajian, batasan kajian, kerangka kajian dan signifikan kajian. Di samping itu, definisi operasional yang diguna pakai turut dijelaskan.